

29/10/1997

Menggembleng kekuatan baru globalisasi Komanwel

Mior Kamarul Shahid

PERDAGANGAN, pelaburan dan pembangunan mempunyai kaitan rapat antara satu dengan lain. Sebagaimana diakui oleh CHOGM, pelaburan dan perdagangan adalah jentera dan produk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Pembangunan mapan pula membabitkan transformasi struktur, memperbaiki taraf hidup khalayak massa dan penjagaan alam sekitar. Semua ini memerlukan pertumbuhan ekonomi.

Komanwel adalah pertubuhan kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang secara kolektifnya meliputi satu perlima daripada eksport dunia. Ketika negara anggota sendiri, mereka juga menjalankan perdagangan dan pelaburan bersama yang membabitkan perkongsian satu perlima eksport dunia.

Apa yang dapat dinikmati oleh negara anggota dengan menyertai Komanwel? Bagi negara maju, penyertaan mereka mungkin tidak lebih daripada berbincang dan mendengar masalah. Mereka mungkin tidak mempunyai harapan yang begitu tinggi terhadap faedah yang boleh mereka nikmati. Tetapi, bagaimana dengan 31 negara kecil dalam pertubuhan itu? Kehadiran mereka penuh dengan pengharapan. Mereka mahukan bantuan yang boleh memakmurkan negara mereka. Bagi mereka tema persidangan CHOGM memberi harapan. Cuma, sejauh mana ia dapat diterjemahkan kepada tindakan. Yang nyata mereka benar-benar mengharapkan peningkatan dalam bidang perdagangan, mengharapkan pelaburan asing dan seterusnya membangunkan negara mereka. Ia tentunya berbeza dengan negara yang sudah mempunyai perdagangan kukuh, menjadi negara pelabur dan sudah bertaraf negara maju.

Inilah dua perbezaan yang wujud dalam komposisi negara Komanwel. Oleh itu, penekanan yang diberikan kepada negara kecil sebagaimana terkandung dalam pernyataan bersama di akhir sidang CHOGM, semalam perlulah diberi penegasan terutamanya bertindak memastikan negara kecil berkongsi faedah daripada peraturan perdagangan globalisasi, serantau dan antarabangsa. Ini boleh dilakukan dengan menjana pelbagai sumber untuk membantu negara kecil termasuk negara yang bergantung kepada hasil pisang. Bayangkanlah bagaimana negara seperti ini dapat berdiri sama tinggi dengan negara lain yang sudah pun meletakkan diri mereka sebagai gergasi besar ekonomi.

Bagi Perdana Menteri Britain, Tony Blair, Komanwel bukan sekadar pertubuhan sentimental kepada negaranya tetapi ia perlu membuktikan negaranya meletakkan keutamaan yang begitu tinggi walaupun Britain juga menganggotai Kumpulan 7 (G-7). Jika pada Perang Dunia Kedua, Komanwel membina sejarah menyelamatkan dunia daripada fasisme, hari ini peranan pertubuhan itu jauh lebih besar. Komanwel memerlukan pembaharuan, bukan lagi hanya terbatas kepada soal politik kerana cabaran akan datang memerlukan pembangunan ekonomi dan sosial global yang perlu ditangani bersama di samping soal nilai fundamental demi menjamin keamanan antarabangsa. Deklarasi Harare 1991 mungkin memberi penekanan kepada prinsip hak asasi manusia, di Edinburgh pula Deklarasi Ekonomi menjadi teras.

Penyertaan negara bekas koloni Britain yang meliputi 1.7 bilion penduduk dunia, adalah berasaskan keyakinan yang pertubuhan itu boleh menjadi penyumbang utama kepada kesejahteraan negara anggotanya. Mereka bukan saja boleh turut berbincang dengan negara yang jauh lebih besar dan kaya, malah boleh bersama memberi pandangan. Negara anggota memang berbeza tahap pembangunan - ada yang sudah terdedah kepada pasaran dunia, yang lain begitu terhad. Ada yang mempunyai pasaran dalaman yang besar, ada pula

kecil. Ada yang mempunyai kemampuan untuk maju yang begitu besar dengan perkhidmatan profesional seperti undang-undang, perakaunan dan pentadbiran awam, ada pula negara yang baru dalam peringkat percubaan. Semua ini tidak boleh dijadikan alasan atau halangan untuk bekerjasama. Ia sepatutnya dijadikan cabaran bersama.

Hakikatnya, setiap anggota mempunyai potensi untuk meningkatkan hubungan sesama sendiri tanpa batasan dan melaksanakan tanggungjawab sosial dan kebajikan terhadap negara yang menghadapi masalah dalam proses globalisasi. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengingatkan mengenai kesan globalisasi dan liberalisasi. Proses globalisasi dan liberalisasi perlu dijalankan dengan jujur. Memang ada negara boleh mengambil kesempatan daripada proses ini tetapi jika ia berlaku di kalangan negara Komanwel sendiri, ia adalah sesuatu yang malang.

Sesetengah negara menghadapi kesulitan untuk menghadapi kesan globalisasi dan liberalisasi perdagangan, terutama mereka yang kekurangan sumber untuk meningkatkan eksport bukan tradisi. Bukanlah rahsia bahawa sesetengah negara sukar menarik pengaliran modal awam untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Ini kerana tidak ada negara yang mahu mengambil risiko yang tinggi melabur di negara yang sumber ekonominya terbatas. Bagi negara seperti ini, gerakan untuk maju terus perlahan walaupun pada asasnya menerima mengamalkan liberalisasi perdagangan. Tanpa penyertaan asing, sukar bagi negara seperti ini memajukan negara mereka. Ini kerana perdagangan dan pelaburan adalah penggerak kepada pasaran antarabangsa. Bagi negara yang mampu bersaing, dasar domestik begitu penting untuk menentukan kejayaan dalam sistem globalisasi yang mengandungi pelbagai peraturan antarabangsa, institusi dan mekanisme syarat masing-masing. Tetapi, jika negara ini baru dalam liberalisasi, bukanlah mudah untuk bersaing tambahan pula jika tidak mempunyai kuasa pasaran.

Kuasa pasaran memang boleh mewujudkan pertumbuhan. Tetapi, di negara seperti ini pula mereka menghadapi masalah lain yang sama seriusnya. Apa yang mungkin berlaku wujud ketidakadilan dalam pembahagian kekayaan di negara seperti ini. Itulah sebabnya di negara maju sekali pun masih wujud kemiskinan. Begitu juga, jika negara berkenaan begitu maju sekali pun ada faktor lain yang perlu diambil kira seperti kepentingan hak asasi manusia dan kesan pembangunan seperti penggunaan sumber dan alam sekitar. Hanya menerusi kerjasama pembangunan, setiap negara boleh mengurangkan kemiskinan dan mengawal pencemaran. Itulah sebabnya Komanwel menjadi sebuah pertubuhan yang unik kerana ia mengambil kira pelbagai faktor bagi menjarakkan jurang antara negara anggota yang berbeza di segi ekonomi, budaya dan ideologi. Komanwel mempunyai peluang untuk melaksanakan agenda perdagangan, pelaburan dan pembangunan. Ia boleh dilakukan menerusi perjanjian antarabangsa termasuk mengurus bantuan bersama dan meningkatkan perdagangan dan pelaburan.

Syarat utamanya, mereka mestilah bersepakat melaksanakan perdagangan global. Sudah ada cadangan supaya Komanwel memberi perhatian melaksanakan agenda seimbang bagi satu pusingan baru perundingan perdagangan pelbagai hala menerusi Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Bagi meningkatkan perkembangan perdagangan di kalangan negara anggota Komanwel, pertubuhan itu antara lain haruslah memudahkan pengaliran perdagangan di kalangan negara anggota dengan menghapuskan halangan birokrasi dan masalah teknikal untuk melancarkan urusan niaga dan kos menerusi perdagangan intra-Komanwel.

Bagi meningkatkan pengaliran modal awam, Komanwel perlu menyokong pembangunan peraturan pelbagai hala dan prasarana bagi memudahkan pengaliran modal awam dan membantu negara untuk menyelesaikan masalah modal. Di Edinburgh ini sekurang-kurangnya kita menyaksikan pelancaran

dana Komanwel berjumlah AS\$200 juta bagi Asia Selatan. Ia adalah yang ketiga bagi dana pelaburan serantau menerusi Dayausaha Pelaburan Awam Komanwel (CPII).

Sesuai dengan takrifan globalisasi iaitu untuk menentukan pertumbuhan urus niaga silang sempadan sebagai perkongsian aktiviti ekonomi dunia yang mempunyai peluang dan cabaran, sudah tentulah semua negara dapat menggunakan kekuatan sumber untuk kepentingan negara sendiri dan memajukan rakan. Kita tidak mahu berlaku sebagaimana di sesetengah negara yang mana berlaku ketidakseimbangan ekonomi.

Banyak faktor menyebabkan kejayaan perdagangan dan pelaburan dalaman. Ia mungkin bergantung kepada keadaan di sesebuah negara.

Tetapi, kita juga tidak boleh menolak andaian bahawa dasar rejim ekonomi domestik dan sempadan adalah begitu penting bagi memastikan satu dasar makro ekonomi yang stabil. Sesungguhnya, kerajaan yang berkesan menjadi ramuan persaingan antarabangsa. Negara yang mengalami masalah untuk menikmati faedah daripada liberalisasi adalah negara yang tidak cukup syarat seperti fizikal, infrastruktur sosial, pengangkutan yang baik, tenaga dan telekomunikasi, kesihatan, pendidikan dan rakyat yang berkemahiran.

Dalam Komanwel banyak isu kritikal dibangkitkan dengan matlamat utama untuk menjayakan sistem perdagangan dan pelaburan. Sudah tentu negara miskin memerlukan bantuan dalam banyak bidang, dengan meningkatkan kapasiti kerajaan dan infrastruktur fizikal, meningkatkan pembangunan manusia dan institusi, terutamanya institusi yang relevan kepada sektor pertumbuhan. Tanpa pertumbuhan ekonomi, tidak banyak yang boleh dicapai.

Walaupun pertumbuhan ekonomi hanyalah perkembangan Keluaran Negara Kasar (KNK) - hakikatnya ia boleh membantu - tetapi tidak boleh menjamin, menyebarkan dan memberi gaji pekerja, sekolah yang memuaskan dan kesihatan atau keseimbangan antara pengeluaran barangan dan perkhidmatan serta perkara lain kehidupan manusia: Kemanusiaan dan hak asasi, sekuriti individu dan pengekalan alam sekitar. Oleh itu, bagi Komanwel peranan kerjasama pembangunan didefinisikan sebagai membantu negara untuk menikmati faedah daripada globalisasi.

Itulah sebabnya dalam memajukan negara Komanwel setiap kerajaan dan agensinya dan sektor swasta perlu dibabitkan secara pelbagai hala bagi menghadapi cabaran untuk mengeksploitasi faedah globalisasi.

(END)